

**KENYATAAN MEDIA**

**30<sup>th</sup> of AUGUST 2018**

**PERSEPSI BELIA TERHADAP MALAYSIA BARU**

IMAN Research, sebuah pusat penyelidikan yang meneliti isu-isu kemasyarakatan, agama (kepercayaan) dan persepsi, baru-baru ini telah melibatkan penyertaan warga belia dalam sebuah kajian untuk melihat bagaimana para belia telah membawa perubahan politik terbaru di tanah air. Di dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh IMAN untuk UNICEF berkaitan keputusan PRU-14, 40.9% pengundi berdaftar adalah berusia antara 21 dan 39. Ini menunjukkan peningkatan kuasa mengundi di kalangan warga belia, yang juga lantang dalam melampias kepincangan kerajaan terdahulu yang terkenal dengan korupsi, dan kesan-kesannya terhadap kesenjangan hidup rakyat. Kerana itu, penyertaan warga belia sewaktu kempeta PRU-14 yang lalu sangat dititik-beratkan.

IMAN merasakan penting untuk kembali ke lapangan, berinteraksi dengan para belia tentang pendapat dan persepsi mereka tentang kerajaan Pakatan Harapan (PH), serta keinginan dan harapan mereka melangkau seratus hari pertama sebagai sebuah kerajaan. Penyelidikan ini melibatkan penyertaan belia dari beberapa negeri di Malaysia bagi mendapatkan pandangan mereka tentang kerajaan baru sebagai cara untuk mengembangkan perbincangan-perbincangan tentang kerajaan, politik dan kepimpinan.

**Kaedah**

Diskusi Kelompok (Focus Group Discussion [FGD]) dipilih sebagai kaedah utama dalam pengumpulan maklumat, yang melibatkan penyertaan 5-7 peserta dalam setiap sesi. Tidak seperti kaedah-kaedah pengumpulan maklumat yang lain, FGD ini berbeza kerana penyelidik belajar tentang pendapat para peserta tentang sesuatu topik secara langsung dan melalui interaksi mereka di antara satu sama lain. Setiap kumpulan mengandungi peserta yang tidak mengenali sesama sendiri dan peserta juga boleh mengutarakan pendapat dan pandangan mereka tentang subjek yang dibentangkan di antara peserta-peserta lain.

Penyelidikan ini menyasarkan belia warga Malaysia yang berusia 18 – 35 tahun, berbeza jantina, pekerjaan dan status perkahwinan, yang mana para peserta adalah dari seluruh Malaysia; Lembah Klang, Johor, Terengganu, Penang dan Sabah. Setiap sesi yang dilakukan akan memastikan ruang perbincangan yang selamat bagi menggalakkan penyertaan para peserta untuk bercakap secara bersahaja dan bebas merungkai pandangan-pandangan mereka tentang keadaan semasa di dalam negara tanpa merasa janggal, atau diperlekehkan oleh peserta lain.

Sebagai cara untuk mencerminkan pluralisme di dalam masyarakat Malaysia, setiap FGD yang dilakukan melibatkan pelbagai latarbelakang peserta dari pelbagai lapisan masyarakat. Komposisi di dalam FGD ini mewakili kelompok-kelompok sosial dengan satu karakter umum

seperti etnik, lokasi, lingkungan usia, dan juga kelompok-kelompok sosial yang mempunyai jumlah majoriti tinggi atau bercampuran.

### **Hasil Kajian**

IMAN melihat adanya tiga tema utama di dalam semua FGD yang telah diadakan.

#### ***Isu-isu Sosial***

Para peserta menyatakan bahawa mereka sangat berpuas hati dengan perubahan yang berlaku. Mereka turut merasa gembira bahawa perubahan ini telah membuka sedikit ruang-ruang penyertaan para belia. Untuk itu, adalah penting bagi kerajaan Pakatan Harapan untuk mengimbang dan mengembangkan panca kebebasan dan hak-hak yang dituntut oleh para belia ini demi pendemokrasian Malaysia.

Walaubagaimanapun, janji-janji 100-hari Pakatan Harapan tidak begitu memberi apa-apa makna kepada hampir seluruh peserta, kerana janji-janji yang dibuat ketika kempen pilihanraya itu memang tidak boleh dilaksanakan dalam satu masa yang singkat. Sesungguhnya, janji-janji 100-hari Pakatan Harapan bukanlah alasan kenapa mereka memilih perubahan. Namun, beberapa isu utama yang diketengahkan adalah berlandaskan dengan isu-isu integriti dan kesangsian terhadap kerajaan baru. Salah satu alasan yang diberikan ialah keberadaan individu-individu Barisan Nasional yang kini berkhidmat di bawah Pakatan Harapan.

#### ***Isu-isu Ekonomi***

Mandat utama kerajaan Pakatan Harapan ialah untuk menyediakan lebih banyak peluang kerja dan menyediakan satu rancangan ekonomi negara yang lebih kukuh, namun, apa yang berlaku ialah kekurangan peluang-peluang pekerjaan dan isu tahap gaji minimum yang masih belum ada penyelesaian baik sebelum mahupun selepas PRU ke-14.

Peserta yang mengundi Pakatan Harapan mahu melihat peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik untuk belia disediakan. Semua peserta yang mengikuti FGD menyatakan sokongan terhadap pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), namun masih sangsi dan keliru dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Ramai juga yang mencadangkan perlunya lebih penjelasan terperinci tentang bagaimana SST akan dilaksanakan.

#### ***Isu-isu Politik***

Walaupun rakyat memberikan sokongan yang memberansangkan kepada Pakatan Harapan, kedudukan mereka di tumpuk pemerintahan tidak begitu selamat seperti yang dirasakan. Para peserta juga menyatakan kemungkinan yang mereka akan memilih parti politik yang lain sekiranya mereka boleh menyediakan cadangan-cadangan yang lebih baik. Para peserta turut menyatakan ketidakselesaan mereka terhadap amalan politik perkauman dan politik balas-dendam. Para peserta juga curiga tentang polisi-polisi yang dicanangkan oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Maklumat di dalam FGD ini juga telah mendorong IMAN

untuk mengenalpasti ahli-ahli politik kerajaan mahupun pembangkang yang paling menonjol ketika ini.

Akhir sekali, laporan penyelidikan ini akan merangkumi maklumat tentang isu-isu setempat di setiap negeri. Laporan seperti sokongan para peserta terhadap pemansuhan Jawatankuasa Kerja-Kerja Kampung (JKKK) di Johor dan Terengganu, Perjanjian Malaysia 1963 (Sabah), isu royalti minyak (Terengganu dan Sabah) dan isu-isu yang melibatkan Islam (Terengganu, Kelantan dan Sabah) turut diamati.

Laporan penuh penyelidikan ini boleh didapati dari laman web IMAN Research:

<http://www.imanresearch.com/>

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung Pengarah Program, Badrul Hisham Ismail:

[badrulhisham@imanresearch.com](mailto:badrulhisham@imanresearch.com) or +6016-7165067.